

GCE '0' Level Malay Paper 2 (1148/2)

Duration: 1h 30 min

Total Marks: 70

BAHAGIAN A

Soalan A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang paling sesuai pada setiap perkataan. Tulis jawapan kamu di Buku Jawapan yang disediakan.

Ramai di antara kita menyangkakan bahawa SkillsFuture hanya melibatkan peruntukan kredit \$500 bagi warga Singapura yang berusia 25 tahun ke atas. Sebenarnya, SkillsFuture adalah satu inisiatif peringkat nasional yang **(1) kenal** pada awal tahun 2015. Inisiatif yang **(2) libat** sebahagian besar sektor **(3) belajar** sepanjang hayat adalah untuk **(4) bantu** rakyat menajamkan kebolehan dan kemahiran mereka. **(5) Harap** pemerintah adalah rakyat dapat meningkatkan ilmu pengetahuan untuk menjalankan tugas mereka di tempat kerja dengan lebih baik. SkillsFuture dapat memastikan rakyat kekal relevan untuk menjawat pekerjaan masa hadapan yang kian berubah-ubah.

Dipetik dan disesuaikan daripada buku *Komentari: Renungan Isu-Isu Semasa (2018)*, ms83

Soalan A2 (10 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapkan teks. Kemudian, lorekkan jawapan pilihan kamu di Buku Jawapan yang disediakan.

- (A) takut titik lalu tumpah
- (B) pisang tidak berbuah dua kali
- (C) jauhari juga yang mengenal manikam
- (D) berani kerana benar, takut kerana salah
- (E) sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan
- (F) bagaimana bunyi gendang begitulah tarinya
- (G) ikut hati mati, ikut rasa binasa, ikut mata leta
- (H) carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga
- (I) meski tertimbun dalam tanah, namun teras timbul juga
- (J) kalau gajah hendaklah dipandang gadingnya, kalau harimau hendaklah dipandang belangnya

Syarikat guaman Encik Amir merupakan salah sebuah syarikat yang terkenal di Singapura. Kejayaan syarikatnya itu juga telah memberi peluang kepada Encik Amir untuk menawarkan peluang pekerjaan kepada ahli keluarganya. Mereka adik-beradik memang bersatu hati dalam menjalankan tanggungjawab mereka. Walaupun ada kalanya mereka tetap berselisih faham, mereka akan berbaik-baik semula bak kata pepatah **(6)** _____. Sering kali, ibu bapa mereka menasihatkan mereka jika berlaku sebarang masalah janganlah terlalu cepat berpihak kepada sesiapa kerana mereka percaya **(7)** _____. Encik Amir memegang kepada kepercayaan yang sama. Dia juga tidak mahu setakat mendengar cerita daripada satu pihak sahaja. Yang penting, dia harus menyiasat punca perselisihan faham itu dengan teliti. Jika dia mendapati penerangan yang diberikan oleh pihak yang terlibat itu benar, dia tidak akan teragak-agak untuk mempertahankan pihak tersebut kerana **(8)** _____. Sebagai pengerusi syarikatnya, Encik Amir turut melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan yang menentukan arah tuju syarikatnya. Jika persetujuan tidak dapat dicapai semasa mereka menjalankan perbincangan, Encik Amir dan adik-beradiknya serta pegawai-pegawai kanan yang lain akan menyelidiki kembali pokok persoalan yang dibincangkan; **(9)** _____. Encik Amir sedar bahawa dia mempunyai sekumpulan pekerja yang cekap dan berkebolehan. Dia menghargai setiap pekerjanya. **(10)** _____. Maka itulah semua pekerja syarikat itu termasuk anggota keluarganya sendiri memberikan komitmen yang sepenuhnya kepada syarikat Encik Amir dengan harapan ia akan terus maju dan cemerlang.

Soalan A3 (5 markah)

Arahan: Pilih sepatah perkataan yang paling sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam teks yang berikut. Kemudian, lorek huruf jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

(A) akan	(B) benar	(C) cekap
(D) digunakan	(E) luar	(F) meskipun
(G) pembelajaran	(H) pengetahuan	

Sesungguhnya, hanya mereka yang terlibat dalam dunia persilatan akan meraih ilmu bahasa persilatan yang sangat unik. Masalahnya, penggunaan bahasa dalam persilatan **(11)** _____ secara sewenang-wenangnya oleh sesetengah pihak di **(12)** _____ arena persilatan. Jika ilmu bahasa ini dipraktikkan dengan betul, mereka yang terlibat dengan persilatan **(13)** _____ dapat menguasai kosa kata bahasa Melayu dengan lebih baik. Dalam **(14)** _____ silat seni Gayong, setiap pergerakan yang diajarkan akan selalu diulangi. Ini dilakukan agar pelajar lebih **(15)** _____ dan pantas. Memandangkan perkataan yang digunakan ialah perkataan yang jarang digunakan dalam kehidupan harian, penggunaan yang kerap menjanjikan kelestarian kosa kata tersebut.

Dipetik dan disesuaikan daripada buku *Bahasa dan Budaya dalam Seni Persilatan (ms 83), Isiah Majid (2018)*

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Petikan 1

Tahukah anda?

BUDAYA KITA
EDISI OKTOBER 2021

Baju Kebaya ialah pakaian tradisional khas yang dikenakan oleh wanita di Singapura, Brunei Indonesia dan Malaysia. Baju kebaya dipercayai berasal daripada Melaka dan diperkenalkan kepada masyarakat Jawa dan kemudian tersebar ke negara-negara Nusantara oleh pedagang Cina dan Portugis.

Namun ada juga sesetengah pihak yang percaya bahawa kebaya berasal daripada tanah Jawa semasa pemerintahan empayar Majapahit berkuasa. Dengan kedatangan Islam, baju kebaya dipercayai merupakan hasil asimilasi budaya masyarakat Jawa yang menggunakan kembangan di bahagian dalam dan budaya Arab yang menggunakan jubah abaya. Setelah berlakunya asimilasi budaya yang berlangsung selama beberapa ratus tahun, pakaian itu diterima oleh penduduk setempat.



Gambar: 'The Otigin of the Kebaya and How it Became an Asean Icon'. <https://www.airasia.com>



Gambar: <https://en.wikipedia.org/wiki/Kebaya>

Sebelum tahun 1600an, kebaya merupakan pakaian khas golongan keluarga diraja dan bangsawan pulau Jawa sahaja. Namun semasa penjajahan Belanda di Indonesia, wanita-wanita Eropah mula memakai kebaya mengikut kebiasaan pakaian tradisional kerajaan dan masyarakat Jawa. Kebaya terus berkembang hingga menjadi busana pilihan kebanyakan wanita di rantau ini.

Wanita Peranakan misalnya menciptakan jenis "kebaya nyonya" yang sudah tidak asing lagi di Singapura dan Malaysia. Mereka mengenakannya dengan sarung batik yang berwarna-warni dan kasut sulaman manik yang sangat cantik. Kini, kebaya nyonya terus mengalami pembaharuan dan terkenal dalam kalangan wanita bukan sahaja di Asean, malahan mereka di Asia dan Eropah juga.

Dipetik dan disesuaikan daripada <https://en.wikipedia.org/wiki/Kebaya>

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 4, jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang sesuai. Kemudian, lorekkan huruf jawapan pilihan kamu di Buku Jawapan yang disediakan.

- 16 Perkara utama yang hendak disampaikan dalam artikel ini ialah _____.
- (A) sejarah baju kebaya
 - (B) jenis-jenis baju kebaya
 - (C) kepopularan baju kebaya
 - (D) pendapat umum tentang kebaya
- 17 Bukti yang menunjukkan bahawa kebaya merupakan ikon wanita Peranakan ialah mereka _____.
- (A) memakai kebaya setiap hari
 - (B) memadankan kain kembangan dengan kebaya
 - (C) mencipta aksesori yang cantik untuk dipakai dengan kebaya
 - (D) mengenalkan warna-warna yang menarik ke negara-negara ASEAN
- 18 Perkataan 'asimilasi' dalam petikan bermaksud _____.
- (A) menjadi sesuai
 - (B) perubahan identiti
 - (C) memilih yang penting
 - (D) berbagai-bagai unsur menjadi satu

A sandwich once made for 'John'

Shukor Makanan Istimewa, Stall No 9
Taman Serasi Food Centre (opposite
entrance of the Botanical Gardens)
Hours: 8 am to 11 pm (closed on
Tuesdays)
Recommended: *Roti John* (French bread
coated with egg, onions and minced
mutton, fried crisp), \$1.30 half a loaf
a whole large loaf.
Rating: 8.



Roti John



Pusat Makanan Taman Serasi

ROTI JOHN

Menurut legenda tempatan, dalam tahun 1960-an, seorang lelaki berbangsa Inggeris meminta penjaja Melayu di Sembawang memasakkannya *hamburger*. Oleh sebab penjaja itu tidak mempunyai daging *hamburger* yang dipinta, beliau telah mencelupkan kepingan roti Perancis dalam adunan daging kambing cincang dengan telur dan bawang lantas menggorengnya sebagai pengganti. Nama hidangan ini kemudian dikaitkan dengan nama yang biasanya digunakan untuk kaum Kaukasia iaitu *John*.

Artikel Berita Harian yang bertarikh 8 Mac 1973 pula melaporkan bahawa resipi roti John ini telah disesuaikan dengan citarasa tempatan oleh Cik Zawiah Anuar, seorang penjaja di Pusat Makanan Geylang Serai. Beliau telah membuat beberapa perubahan kepada resipi asal.

Roti John menjadi semakin popular di Singapura apabila seorang penjaja bernama Shukor menjualnya di sebuah gerai di Taman Serasi yang berhampiran dengan Kebun Bunga Singapura atau kini lebih dikenali sebagai Taman Botani Singapura. Pengunjung-pengunjung di gerai Shukor pada masa itu terdiri daripada orang-orang berbangsa Serani dan Kaukasia yang kebanyakannya merupakan ahli kumpulan Kelab Tanglin yang berdekatan. Shukor akur bahawa dia telah memperoleh resipi roti John daripada seorang rakan penjaja di Geylang Serai dan mula menawarkan hidangan itu di gerainya pada tahun 1976. Hidangan itu sangat popular sehingga jualan Shukor mencecah 100 pinggan sehari dan beliau memerlukan 800 roti pada hujung minggu.

Sejak itu, gerai makan Shukor telah menjadi legenda yang bersinonim dengan hidangan tersebut. Setelah beliau meninggal dunia, keluarganya telah meneruskan legasi Shukor. Ketika pusat penjaja Taman Serasi dirobohkan pada tahun 2001, gerai itu telah berpindah ke Taman Serangoon dan diwarisi anak perempuan Shukor.

Kini, roti John disajikan di seluruh Semenanjung Tanah Melayu dengan variasi popular yang menggunakan sardin dan ayam selain daripada daging kambing.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, lorekkan huruf jawapan pilihan kamu di Buku Jawapan yang disediakan.

- 19** Roti John terkenal di Singapura semenjak _____.
- (A) dipromosikan oleh gerai-gerai yang menjual makanan
 - (B) diperkenalkan kepada seorang lelaki barat di Sembawang
 - (C) dijual di gerai makanan yang terletak di Kebun Bunga Singapura
 - (D) dijadikan makanan kegemaran warga Singapura sejak tahun 1960-an
- 20** Pemilik gerai makanan di Taman Serasi menjual roti John setelah beliau _____.
- (A) mengilhamkan resipi roti John
 - (B) mencipta resipi roti Perancis untuk membuat roti John
 - (C) mendapatkan resipi roti John daripada seorang tentera British
 - (D) menerima resipi daripada seorang sahabatnya yang menjaja di Geylang

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

<p>Ramai pelajar di sekolah itu menganggap Alif hidung tinggi dan suka cakap besar. Dia suka bermegah-megah dengan kebolehannya, tidak seperti pelajar Melayu lain yang lebih suka merendah diri, walaupun mereka juga berkebolehan. Kata-kata Alif seringkali menyinggung perasaan rakan-rakannya menyebabkan dia tidak disukai. Seperti rakan-rakan mereka yang lain, Hakim juga pernah tersinggung dengan sindiran Alif yang pedas. Hakim disindir kerana Alif berpendapat bahawa Hakim tidak menunjukkan kepekaan terhadap hal-hal penting yang berlaku di sekelilingnya.</p>	5
<p>“Aku bukan sombong, Hakim. Aku juga tidak ingin menjadi seperti sesetengah orang yang menguar-uarkan kehebatan mereka tanpa segan silu. Kalian memang tidak memahami cara pemikiran aku. Kita orang Melayu mesti yakin untuk memaparkan kemahiran kita. Aku paling benci dengan orang yang tidak mahu ambil tahu tentang apa yang berlaku di sekeliling mereka. Mereka hanya ikut sahaja apa yang orang lain buat. Malas hendak berfikir! Akhirnya hidup mereka akan ditentukan oleh orang lain, tidak ubah seperti zaman penjajahan dahulu. Kalau kita sindir, terasa pula!”</p>	10
<p>Perasaan malu mencengkam Hakim apabila mendengarkan celoteh Alif, seolah-olah dia pula yang disindir. Yang nyata, Alif bermegah dengan kemampuannya sendiri. Dia tidak membesar-besarkan sesuatu yang di luar jangkauannya. Jika dia yakin dia dapat melakukan sesuatu, dia akan menyatakannya tanpa ragu-ragu. Dia mempunyai keyakinan diri yang amat tinggi sehingga ada yang salah anggap dan mencelanya kerana menganggap dia sombong. Kali terakhir Hakim cuba menasihatkan Alif supaya berubah, Alif cuma tersenyum sinis.</p>	15
<p>“Hakim, kita sekarang di abad ke-21. Dunia kita terbuka luas dengan usaha penyejagatan. Kita tidak boleh lagi hidup di takuk lama yang terlalu merendah diri. Ya, kadangkala aku nampak seperti bermegah diri. Namun, aku tidak berani bermegah-megah tentang sesuatu yang di luar kekuasaanmu. Di dalam hati aku selalu bertawakal.”</p>	20
<p>Hakim akur dengan hujah rakannya itu. Dia perlu menyesuaikan diri dengan keperibadian rakannya. Alif memang istimewa. Sombong Alif sombong bertempat. Tidak pernah dia melihat Alif membincangkan sesuatu perkara tanpa dikajinya dahulu. Hakim ingin terus mendekati Alif. Hakim berharap mindanya turut lebih terbuka supaya dia dapat mengharungi arus perubahan di sekelilingnya dan mengambil langkah yang sewajarnya bagi menghadapi cabaran-cabaran masa akan datang.</p>	25
	30
	35

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 8, jawab soalan-soalan yang berikut. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri, Kemudian tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

- 21 Berikan sebab mengapa Alif tidak digemari rakan-rakannya. (3 markah)
- 22 Hakim pernah tersinggung dengan sindiran Alif. Namun selepas itu dia masih berbaik dengan Alif. Nyatakan satu ciri yang diserlahkan oleh Hakim sebagai seorang teman. (3 markah)
- 23 Alif benci dengan orang yang tidak mahu ambil tahu tentang apa yang berlaku di sekeliling mereka. Berikan alasan dia bersikap demikian. (3 markah)
- 24 Mengapakah Hakim ingin terus mendekati Alif? (3 markah)
- 25 'Sombong Alif sombong bertempat.' Beri **dua** contoh untuk menyokong pernyataan ini. (5 markah)
- 26 Jelaskan **dua** sikap Alif yang dikagumi Hakim. (5 markah)

Arahan: Terangkan maksud perkataan berikut berdasarkan penggunaannya dalam petikan.

- 27 tersinggung (baris 6) (2 markah)
- 28 yakin (baris 11) (2 markah)
- 29 ragu-ragu (baris 21) (2 markah)
- 30 akur (baris 30) (2 markah)

Selesai